

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN ANYI NGAU [BARAM]

TARIKH : 25.11.2015

SOALAN :

Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha terbaru yang sedang dan akan dilaksanakan pihak Kementerian di dalam menambah baik bangunan kuarters dan bilik darjah usang sekolah-sekolah di kawasan Parlimen Baram khususnya di SMK Long Lama, SMK Temenggong Datuk Lawai Jau, SMK Bakong, SK Long Moh, SK Long Miri, SK Pengelayan, SK Long Pillah, SK Long Aton dan SK Long Teru Tinjar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa memandang serius berhubung kait dengan kuarters dan sekolah-sekolah yang telah usang dan daif di seluruh negara termasuklah di kawasan Parlimen Baram.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bagi tahun 2015, sebanyak RM15.4 juta telah diagihkan kepada negeri Sarawak bagi melaksanakan kerja-kerja yang diperlukan untuk pembaikan kuarters dan RM59.6 juta pula untuk pembaikan sekolah. Peruntukan ini telah digunakan untuk projek-projek ubahsuai dan naik taraf bagi 383 buah sekolah di seluruh negeri Sarawak. Bagi Parlimen Baram pula, sebanyak RM4.04 juta telah dibelanjakan untuk kerja-kerja pembaikan dan penyenggaraan

kuarters dan bilik darjah termasuklah SMK Long Lama, SMK Temenggong Datuk Lawai Jau, SMK Bakong, SK Long Moh, SK Long Miri, SK Pengelayan, SK Long Pillah, SK Long Aton dan SK Long Teru Tinjar.

RJM64

SOALAN (18)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2015
[RABU]**

**DARIPADA : Y.B. UST. DATUK DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN
AMAN RAZALI
[KUALA NERUS]**

SOALAN :-

**Y.B. UST. DATUK DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI
[KUALA NERUS]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perkembangan
semasa projek pembinaan Pusat Pentadbiran Daerah Kuala Nerus dan
penyediaan keseluruhan prasarana di daerah tersebut.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan pembangunan Pusat Pentadbiran Kuala Nerus adalah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu sendiri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Negeri Terengganu. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada pihak UPEN, Negeri Terengganu melalui surat bertarikh 22 Oktober 2015, memaklumkan bahawa pihaknya sedang dalam penilaian dan pelaksanaan di Pusat Pentadbiran Kuala Nerus dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri. Di antara kerja-kerja yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:-

a) Kerja-kerja tanah dan pertapakan telah disiapkan pada Jun 2014;

b) Projek Tebatan Banjir telah dimulakan sejak Mac 2015 dan dijangka siap pada Mac 2018; dan

c) Rekabentuk cadangan pembinaan jalan masuk termasuk jalan utama serta pejabat pentadbiran sedang dalam kajian.

Pada masa kini, Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Nerus beroperasi di premis Pejabat Daerah Kuala Terengganu dan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu Cawangan Utara.